

Mahathir
MAHATHIR TEGUR PERBUATAN POTONG POKOK DAN GUNUNG

TANAH RATA, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur kerajaan-kerajaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan yang masih tidak mempedulikan arahan supaya pokok-pokok, bukit dan gunung tidak dipotong sewenang-wenangnya untuk projek pembangunan.

Tanpa menyebut kerajaan negeri dan jabatan terbabit, Perdana Menteri berkata arahan itu sudah beliau buat sejak sekian lama dan seringkali mengulanginya tetapi masih tidak dipedulikan.

"Saya juga dapat tahu bahawa ada kerajaan negeri yang memberi lesen membalak di gunung-gunung sehinggakan terlalu banyak pokok di tebang dan ini mengakibatkan pencemaran," katanya kepada pemberita di akhir lawatan ke kawasan peranginan Cameron Highlands, di sini.

Katanya, kerajaan ingin menggunakan bukit-bukau dan gunung-ganang sebagai daya penarik untuk pelancong tetapi usaha itu tidak akan berjaya jika kawasan-kawasan berkenaan di potong sewenang-wenangnya. -- Lagi.

▼11/08/17-00MST

CNS9493

U GB 11-08 00136 BC220

aab

Mahathir 2 Tanah Rata

Beliau berkata kerajaan bukannya tidak membenarkan pembinaan bangunan-bangunan di lereng bukit tetapi pembinaannya hendaklah menggunakan kaedah yang tidak merosakkan alam semula jadi.

Sebagai contoh, katanya, bangunan-bangunan hotel atau chalet boleh didirikan di lereng bukit dengan menggunakan tiang-tiang tanpa perlu meratakan tanah kawasan terbabit.

"Yang mana rendah kita pasangkan tiang yang panjang yang ditanam dengan cukup dalam manakala belakangnya pula kita boleh gunakan tiang yang pendek," katanya.

Jika perlu, beliau berkata bukit hanya dipotong untuk kawasan yang terlibat dengan sesuatu projek sahaja dan bukannya sehingga menjadi tanah rata keseluruhan bukit itu.

Dr Mahathir memuji konsep pembangunan Pangkor Laut Resort di Pulau Pangkor dan hotel milik kumpulan Berjaya di Pulau Langkawi yang tidak merosakkan terlalu banyak pokok dan bukit. -- Lagi.

▼11/08/17-08MST

CNS9531

U GB 11-08 00128 BC221

aab

Mahathir 3 Tanah Rata

Menegenai pembinaan lebuhraya yang menghubungkan Genting Highlands, Frazer Hill dan Cameron Highlands, Perdana Menteri berkata projek yang dijanjika bernilai lebih RM1,000 juta itu akan dimulakan sebaik sahaja kerajaan mendapat tawaran daripada syarikat swasta yang berminat.

Katanya, projek itu menelan belanja yang tinggi kerana kerajaan ingin memastikan tidak terlalu banyak pokok dan bukit dipotong ketika membinaanya.

"Kalau kita hendak jaga keindahan alam sekitar, kita terpaksa belanjakan lebih sikit," katanya.

Katanya, konsep penswastaan itu sudah pasti tidak memberi keuntungan yang tinggi kepada syarikat yang membina dan mengendalikannya kelak kerana tidak banyak kenderaan yang menggunakan lebuhraya itu.

Dengan itu, katanya kerajaan negeri dan kerajaan pusat akan membantu syarikat yang terpilih. -- Lagi.

CNS9532

U GB 11-08 00159 BC222

aab

Mahathir 4 Tanah Rata

Terdahulu, ketika berucap merasmikan pesta Bunga Cameron Highlands '94, Perdana Menteri mengarahkan pihak-pihak berkenaan supaya menghentikan perbuatan memotong bukit dan gunung untuk mendirikan projek masing-masing.

Katanya, terdapat sebuah bukit di negara ini yang dahulunya begitu indah tetapi sekarang sudah hampir botak akibat pembangunan yang tidak terkawal. Beliau enggan menamakan bukit itu.

Dalam hubungan ini Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana masih terdapat banyak pokok, bukit dan gunung di negara ini berbanding beberapa negara lain.

"Sebab itu saya sering ingatkan supaya jangan sekali-kali memotong pokok, bukit dan gunung sesuka hati kerana takut suatu hari nanti apabila kita kehilangannya kita terpaksa pula pergi ke negara orang untuk melihat keindahan alam sekitar," katanya.

Mengenai pembinaan lebuh raya itu, Dr Mahathir berkata ia merupakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat di kawasan berhampiran menggiatkan lagi aktiviti pertanian dan perusahaan yang sedang mereka jalankan. -- Lagi.

♥11/08/17-29MST

CNS9533

U GB 11-08 00108 BC223

aab

Mahathir 5 (Akhir) Tanah Rata

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan spesies orkid baru yang diberi nama UMNO Malaysia.

Spesies itu hasil cantuman baka orkid Vanda Mevr L Velthine dan Vanda Gordon Dillion sudahpun didaftarkan dengan Royal Horticultural Society, London.

Spesies itu dihasilkan oleh seorang peminat orkid dari Kuala Lumpur, Wan Chak Chuan.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut melancarkan biografi bergambar bertajuk "Wonders of the Heartland in Pahang" yang menunjukkan keindahan, seni taman dan kehidupan masyarakat negeri itu.

Dr Mahathir juga diberi taklimat mengenai pembangunan daerah Cameron Highlands. -- Bernama.

AH AZ.

♥11/08/17-30MST